

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	25/2/2012

Semak surat Dr M kepada Israel

Najib arah Wisma Putra teliti kemungkinan isi kandungan boleh didedah

Oleh Amirullah Andi Nur
dan Nurhasyima Hasim
bhnews@bha.rian.com.my

MELAKA TENGAH: Datuk Seri Najib Razak berkata, beliau sudah mengarahkan Wisma Putra untuk menyemak semula surat Tun Dr Mahathir Mohamad kepada dua Perdana Menteri Israel ketika beliau menerajui kerajaan dan memberi ulasan sama ada kandungannya boleh didedahkan atau sebaliknya.

"Saya fikir kalau tidak ada apa-apa kemudatan kepada negara, tidak ada sebab kita tak boleh siarkan secara terbuka, lebih-lebih lagi kerana pembangkang cuba menimbulkan kekeliruan dan mempertikaikan surat ini," katanya selepas melakukan tinjauan mesra di Little India, Jalan Bunga Raya dan Jalan Kee Ann di pusat Bandaraya Melaka Bersejarah di sini, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas tindakan beberapa blog pembangkang baru-baru ini menyirikan kembali surat sulit yang didakwa kononnya dihantar Dr Mahathir bagi mengucapkan tahniah di atas pelantikan Ehud Barak sebagai Perdana Menteri Israel dan menyatakan hasrat Malaysia untuk menjalin hubungan diplomatik dengan negara itu.

Akhbar ini semalam turut melaporkan, bekas Perdana Menteri itu mengakui ada menghantar surat berkenaan dan menjelaskan beliau hanya membalas surat ditulis Benjamin Netanyahu yang dilantik sebagai Perdana Menteri Israel pada 1996 hingga 1999 dan Barak (1999-2001).

Mengulas lanjut, Najib yang dalam lawatan sehari ke negeri ini berkata, pembangkang sudah tersepit selepas pemimpinnya membuat kenyataan menyokong secara

terbuka dan sanggup melakukan apa saja untuk keselamatan Israel.

Katanya, kenyataan yang tidak berkelayakan (unqualified) itu sudah menimbulkan kemarahan yang begitu ketara di kalangan rakyat Malaysia.

"Sekarang ini, mereka nak cuba cari alasan kononnya kita ada hubungan dan kita ada membuat sesuatu dengan kerajaan Israel. Ini kita mesti hilangkan salah tanggapan yang cuba dibangkitkan oleh pembangkang," katanya.

Mengulas mengenai pergolakan yang berlaku dalam pentadbiran kerajaan PAS Kedah yang dipimpin Menteri Besarnya, Datuk Seri Azizan Abdul Razak, Najib berkata, kerajaan Barisan Nasional (BN) mengambil sikap tunggu dan lihat.


"Itu masalah dalaman pembangkang. Pada masa sekarang kita tengok dan lihat apa yang sedang berlaku sebab nampaknya, pergo-

lakan di situ semakin hangat dan semakin serius. Bagaimanapun kita tunggu dulu apa akan berlaku pada 28 Februari ini," katanya.

Berita Harian semalam melaporkan seorang lagi EXCO Kedah dikatakan menghantar surat kepada Azizan bagi menyatakan keengganan dilantik semula ke jawatan itu yang dijadualkan diumumkan pada Selasa ini.

Dalam pada itu, Najib juga mengesahkan, beliau akan membuat pengumuman mengenai keputusan kerajaan berhubung dengan pelaksanaan pembaharuan skim Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) dalam perhimpunan besar-besaran CUEPACS akan datang.

Beliau bagaimanapun ejigga mengulas lanjut mengenai penyenaarian Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGVH) di Bursa Malaysia tanpa pembabitkan Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Bhd (KPF).



"Nanti saya komen kemudian. Takde masalah, listing (penyena-
raian) tetap berjalan," katanya.

Berhubung dengan lawatannya ke negeri ini, Najib berpuas hati dengan kemampuan kerajaan negeri membangunkan Melaka terutama dalam sektor pelancongan selain taraf hidup rakyat yang semakin selesa termasuk memiliki kediaman sendiri.

Beliau juga melahirkan keyakinan kerajaan BN Melaka sudah bersedia untuk menghadapi pilihan raya umum.